



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMANDU (F.1-2-3-4-5 EB.6)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|--|
| <p>1. Pemandu
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
F.1-2-3-4-5 EB.6 (\$445 - \$790 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEMBILAN (09)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Tingkatan I atau kelulusan sebanding.

ATAU

b) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai kelas lesen memandu yang sah tertakluk kepada keperluan tugas dan kehendak Kementerian / Jabatan berkenaan.
3. Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 9 atau sebanding dengannya mengikut kehendak dan yang diatitkan oleh Kementerian / Jabatan berkenaan. (Khusus bagi Pemandu Kenderaan Laut)
4. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kerja-kerja membaiki kerosakan motor sangkut atau kenderaan laut yang berkaitan dan berpengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Sungai di Negara ini serta pandai berenang. (Khusus bagi Pemandu Kenderaan Laut)
5. Berpengalaman memandu beberapa jenis kenderaan dan berkebolehan membaiki kerosakan kecil adalah satu kelebihan.
6. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM

1. Memandu / Membawa kenderaan Jabatan untuk menghantar dan mengambil pegawai-pegawai kanan / pegawai bagi urusan-urusan rasmi Jabatan;
2. Bertugas mengikut seperti jadual waktu bertugas yang telah disediakan;
3. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana daerah jika diperlukan;
4. Memeriksa / menyemak keadaan kenderaan dan juga peralatannya setiap hari untuk memastikan kenderaan adalah di dalam keadaan yang selamat dan sempurna untuk digunakan sebelum memulakan tugas;



5. Sentiasa memelihara / memastikan kesempurnaan dan kebersihan kenderaan-kenderaan Jabatan sama ada bagi kenderaan darat dan laut;
6. Membantu menguruskan kerja-kerja pemeliharaan / pembaikan kenderaan ke workshop / pengurusan penyambungan cukai jalan jika diperlukan;
7. Membuat dan menghadapkan laporan dengan seberapa segera mengenai kerosakan ke atas kenderaan-kenderaan Jabatan dengan seberapa segera kepada ketua bahagian;
8. Memastikan kenderaan-kenderaan Jabatan adalah digunakan dengan baik dan cermat serta bagi urusan-urusan rasmi sahaja;
9. Sentiasa mencatatkan setiap perjalanan-perjalanan yang menggunakan kenderaan Jabatan ke dalam buku catatan (LOG) yang dikhaskan; dan
10. Sentiasa menggunakan buku khas bagi pengambilan minyak bagi kenderaan-kenderaan Jabatan ke dalam buku catatan (LOG) yang telah dikhaskan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA

1. Menjaga dan memandu motor sangkut bagi membawa penumpang-penumpang dan pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk menjalankan tugas di kawasan-kawasan yang hanya dapat didatangi oleh motor sangkut atau tugas-tugas lain Jabatan;
2. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan kerosakan-kerosakan motor sangkut yang digunakan dan kerja-kerja berkaitan;
3. Menghadapkan laporan dengan seberapa segera sekiranya ada kerosakan-kerosakan yang perlu gantian kepada Ketua Unit;
4. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan motor sangkut dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan seperti jaket keselamatan dan sebagainya;
5. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penumpang;
6. Bertugas mengikut jadual waktu bertugas yang telah disediakan; dan
7. Menerima arahan dari semua pegawai atasan dari semasa ke semasa.